

Headline	Teater Monolog Jual Ubat		
MediaTitle	Berita Harian (Johor)		
Date	29 Oct 2013	Color	Black/white
Section	News	Circulation	231,163
Page No	N6	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	64 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 647
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,941



Teater Monolog Jual Ubat

Teater Monolog Jual Ubat karya dan lakonan Khalid Salleh akan dipentaskan di Kuala Terengganu dan Kota Bharu, pada 8 dan 9 November, jam 8.45 malam.

Teater monolog itu sinonim dengan Khalid yang juga Penerima Anugerah Seni Negara 2006 dan Pemenang Pelakon Lelaki Terbaik, Festival Filem Asia Pasifik Ke-43 di Taipei melalui filem, *Jogho*.

Olahan puisi panjang

Karya itu membabitkan puisi panjang yang pernah dideklamasikan dan diolah menjadi skrip teater monolog yang dihidupkan dengan gaya lakonan.

Teater itu sebelum ini pernah dipentaskan di Akademi Seni, Warisan dan Budaya (ASWARA), Kuala Lumpur, pada 2009; Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Selatan (DBPWS), Johor Bahru (2010) dan Taman Budaya Pumphong, Alor Setar (2013).

Masuk adalah percuma, manakala maklumat lanjut hubungi Sharrul Rizal Hashim di talian 09-7414906/e-mel sharrul@dbp.gov.my atau Zainal Abidin Mohd Zin (09-7414903/zainalabidin@dbp.gov.my).